



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM SEMARAK KASIH BERSAMA PELAJAR PUSAT
PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)**

21 FEBRUARI 2022 (ISNIN)

PPDK PRESINT 14, WP PUTRAJAYA

10 PAGI

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bagi meraikan anak-anak istimewa pada hari ini.

2. Semarak Kasih hari ini merupakan antara program Hari Wilayah Persekutuan 2022 bagi menyantuni mereka yang memerlukan, selain menggalakkan nilai kebersamaan dan kesyukuran semua rakyat sebagai sebuah Keluarga Malaysia.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan inisiatif dalam Bajet 2022 kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi memperkasa kehidupan mereka termasuklah dari aspek pendidikan awal anak-anak OKU di negara ini.

4. Melalui pendidikan awal inilah, kita dapat menyemai sifat kasih sayang dan pembentukan sikap anak-anak OKU ini, yang secara tidak langsung dapat mengajar mereka untuk lebih bertanggungjawab dan berdikari.

5. Justeru itu, KWP dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Yayasan Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif untuk membantu anak-anak istimewa ini dan memastikan keperluan mereka sentiasa dalam keadaan sempurna serta terjaga.

6. Saya difahamkan, hari ini akan ada sumbangan peralatan bantuan pendidikan seperti peralatan terapi untuk kegunaan 146 orang anak-anak di PPDK Putrajaya.

7. Antaranya, peralatan terapi seperti 'Anatomy Set' dan 'Multiactiv Stones' untuk kegunaan sesi kelas pra-terapi, pra vokasional dan fisioterapi. Ini bagi membantu proses pembelajaran serta sesi terapi pelajar serta pelatih.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Meskipun golongan OKU ini sedikit berbeza dan tidak sesempurna orang biasa, namun mereka juga punya hati dan perasaan. Tahu ketawa, menangis dan rasa kecewa, sama seperti kita yang lain. Jangan sesekali membeza-bezakan mereka dan mewujudkan sebarang perasaan diskriminasi.

9. Suka juga saya berpesan kepada semua, bahawa golongan OKU juga mampu berjaya seperti mana orang lain dan mereka juga punya kelebihan tersendiri. Walaupun anak-anak PPDK kita berdepan dengan pelbagai cabaran pada hari ini, namun saya percaya dengan bimbingan yang betul, mereka boleh menjadi ikon yang berjaya dan terkenal suatu masa nanti.

10. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua pihak atas inisiatif menganjurkan program Semarak Kasih ini dan sama-sama menyumbang dalam menjayakan program kita pada hari ini.